



Received: 2024-05-12

Accepted: 2024-06-22

Published: 2024-06-25

Original Article

## Prinsip Utama Gerakan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)

*(The Main Principles of National Union of Malaysian Muslim Students (PKPIM) Movement)*

Mior Muhammad Syahir Bin Zahari<sup>a\*</sup>

<sup>a</sup> Pelajar Ijazah Tinggi (Sarjana), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

\* Corresponding author, email; [ris\\_editor@um.edu.my](mailto:ris_editor@um.edu.my)

### ABSTRACT

The fall of the Khilāfah Islāmiyyah system had caused the emergence of Islamic movements on some Muslim country such as al-Ikhwān al-Muslimūn from the Middle East and Jamā'at al-Islāmi from India-Pakistan. Meanwhile in Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) emerge as one of the Islamic movements. Before ABIM was founded, the predecessors of it was from an Islamic student movement which was founded earlier known as Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Nowadays, there are some activists' movements trying to fight for Islam. Unfortunately, they were using false approach such as religious extremism and liberalism. These confusions were caused by the lack of clear and right principles in those movements. The purpose of this article is to state and elaborate the main principles held and practised by PKPIM. This research approach is qualitative. Content analysis and descriptive were used as research design. The data was collected through documentation and observation. The concept of *wasatiyyah* in Islam was used as the conceptual framework to analyse the collected data. It was found out that the main principles practised by PKPIM were in comply with the principles of *wasatiyyah* in Islam.

**Keywords:** Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia; main principles of movement; Angkatan Belia Islam Malaysia; Islamic student movement of Malaysia; *wasatiyyah*.

### Pendahuluan

Kemunculan gelombang gerakan Islam (*ḥarakah al-Islāmiyyah*) adalah rentetan daripada kejatuhan sistem Khilāfah Islāmiyyah yang merupakan sebuah pemerintahan Islam berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh itu, gerakan Islam mengambil tempat tersebut sebagai salah satu

usaha untuk mengembalikan semula sistem Khilāfah Islāmiyyah.<sup>1</sup> Abdul Wahab Zakaria menjelaskan tentang gerakan Islam sebagai:

Maksud dengan Harakah Islamiyyah di sini dari segi konsepnya ialah sebuah gerakan Islam yang mendukung Islam seluruhnya, bertujuan melaksanakan cita-cita Islam seumpama pembentukan peribadi, menegakkan pemerintahan, menyatukan barisan, mengembalikan kedudukan Khilāfah dan sebagainya dengan mempunyai perencanaan dan rangka kerja yang lengkap.<sup>2</sup>

Antara pelopor utama gerakan-gerakan Islam semasa adalah *al-Ikhwān al-Muslimūn* di Timur Tengah dan *Jamā'at al-Islāmi* di India dan Pakistan. Dalam konteks Malaysia, antara gerakan Islam yang awal adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).<sup>3</sup>

Namun begitu, sebelum ABIM ditubuhkan, telah terdapat sebuah gerakan pelajar Islam (*harakah al-ṭullāb al-Islāmiyyah*) iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) yang terlebih dahulu ditubuhkan. Para penggerak PKPIM inilah yang merupakan pihak yang menubuhkan ABIM setelah mereka meningkat usia daripada alam pelajar kepada alam kebeliaan. Sehingga kini, telah terdapat beberapa gerakan pelajar Islam yang lain seperti Rakan Siswa Yayasan Dakwah Islam Malaysia (RSY), Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS), dan Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA).

Dewasa kini, dapat disaksikan muncul beberapa gerakan yang menggunakan pendekatan yang ekstrem dalam beragama seperti Islamic State (IS) atau Islamic State of Iraq and Syria (ISIS).<sup>4</sup> Selain itu, terdapat juga gerakan yang menggunakan pendekatan yang terlampau longgar dalam beragama seperti Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia dan Sisters in Islam (SiS).<sup>5</sup> Gerakan-gerakan ini yang kononnya cuba memperjuangkan Islam secara sedar ataupun tanpa sedar telah mencemarkan Agama Islam dan membawa kemudaratan kepada orang ramai. Fathi Yakan menegaskan dengan adanya prinsip yang benar bagi sesebuah gerakan Islam, maka gerakan Islam tersebut akan terpelihara daripada dipengaruhi oleh aliran-aliran yang menyeleweng.<sup>6</sup>

Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menjelaskan prinsip-prinsip utama bagi gerakan PKPIM. Pendekatan kajian ini adalah kualitatif. Data dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi yang mana bahan-bahan seperti buku, dokumen, dan artikel dikaji serta diteliti.<sup>7</sup> Selain itu, data juga dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian yang mana penulis telah terlibat dalam PKPIM secara langsung sebagai ahli aktif dan pimpinan sejak 2016-2023. Data-data tersebut dianalisis secara diskriptif bagi bagi mencapai tujuan kajian. Kaedah analisis ini melibatkan penyusunan semula (*rearranging*), susun atur (*ordering*), mengubah (*transforming*),

---

<sup>1</sup> Abdul Wahab Zakaria, *Konsep Kepimpinan dalam Islam: Pesanan Seorang Da'i* (Petaling Jaya: ABIM, 1994), 122-123.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> <https://www.abim.org.my/info-abim/>

<sup>4</sup> Sila lihat Usāmah al-Sayyid Maḥmūd, *al-Ḥaqq al-Mubīn fī al-Radd 'alā man Talā'aba bi al-Dīn* (Abu Dhabi: Dār al-Faqīh, 2015).

<sup>5</sup> Sila lihat Ahmad Yumni & Mohd Fairuz, *Menjawab Islam Liberal: Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal (JIL) & Sisters in Islam (SiS)* (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2015).

<sup>6</sup> Fathi Yakan, *Tasawwur Asasi Gerakan Islam*, terj. Ibrahim Embong (Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2018), xv-xvi.

<sup>7</sup> Abd Halim Mat Diah, *Satu Contoh dalam Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987), 115.

dan memanipulasi data-data untuk menghasilkan maklumat deskriptif. Data yang terkumpul diubah kepada bentuk yang lebih mudah difahami dan dihuraikan.<sup>8</sup> Konsep wasatīyyah menurut Islam digunakan sebagai kerangka konseptual dalam menganalisis data-data yang dikumpulkan.

### Konsep Wasatīyyah Dalam Islam

Wasatīyyah merupakan sebuah pendekatan yang mengambil jalan tengah. Seseorang yang wasatīyyah akan bersikap:

- Pandangan dan penafsiran yang tidak literal (harfiah).
- Pandangan dan penafsiran yang tidak liberal (bebas).
- Memahami teks al-Quran atau hadith berdasarkan kepada *maqāsid* (objektif shari'ah).
- Menggunakan kaedah pembacaan naqlī dan 'aqlī secara harmoni.<sup>9</sup>

Dalam Islam, para Muslim dituntut untuk bersikap dengan wasatīyyah kerana sikap ini merupakan ciri utama bagi umat Islam. Sepertimana firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا<sup>10</sup>

Terjemahan: Dan demikianlah, Kami menjadikan kamu (wahai umat Muhammad) ummatan wasatān, supaya layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar and yang salah) dan Rasulullah pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu...<sup>10</sup>

Antara tafsiran ummatan wasatān adalah umat pilihan yang adil, umat yang seimbang, dan umat yang terbaik yang bersikap seimbang dan saksama.<sup>11</sup> Selain itu, ummatan wasatān membawa erti umat yang selamat daripada syirik, bid'ah, dan khurafat dalam berakidah dan beribadah.<sup>12</sup>

Pada sudut bahasa, wasatīyyah adalah kata terbitan (*maṣḍar*) daripada perkara al-wasat. Istilah wasat membawa erti yang pelbagai, antaranya sederhana, pertengahan, seimbang (*al-tawāzun*), adil (*al-'adl*), cemerlang, tinggi dan kemuncak (*al-'uluww wa al-rif'ah*), paling baik (*al-khayr*), lebih utama (*afḍal*), dan lebih baik (*ajwad*).<sup>13</sup>

Wasatīyyah merupakan salah satu prinsip utama bagi golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Pegangan terhadap prinsip ini secara tidak langsung akan bersikap menolak

---

<sup>8</sup> Zamalia Mahmud, *Handbook of Research Methodology: A Simplified Version* (Shah Alam: UiTM Press, 2015), 102.

<sup>9</sup> Khalif Muammar, *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal* (Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 2009), 331-332.

<sup>10</sup> Surah al-Baqarah, 2:143.

<sup>11</sup> *MyWasatīyyah: Jihad Mendaulatkan Islam, Mengekang Ekstremisme Agama dan Pelampau Liberalisme* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2015), 2

<sup>12</sup> Abdullah Muhammad Zin, *Wasatīyyah Sebagai Manhaj Adab al-Ihktilaf* (Putrajaya: Institut Wasatīyyah Malaysia, 2015), 6.

<sup>13</sup> *Ibid.*, 3-8.

ekstrimisme.<sup>14</sup> Sikap ekstrem atau melampau (*ghulūww*) yang merupakan lawan kepada wasatiyyah adalah dilarang dalam Islam.<sup>15</sup> Sikap melampau ini akan melahirkan beberapa sifat tidak baik yang lain seperti zalim, syirik, bid'ah, khurafat, taksub, penyelewengan, dan fasik.<sup>16</sup>

Pendekatan jalan tengah (*al-wasatiyyah wa al-i'tidāl*) ini akan menempatkan seseorang di antara dua ekstrem contohnya antara *tafrīt* (terlalu ketat) dan *ifrāt* (terlalu longgar). Contoh lain adalah antara ekstrim kanan (radikalisme, ekstrimisme) dan ekstrim kiri (liberalisme). Pendekatan ini juga menganjurkan kita untuk tidak bersikap kaku (*rigid, literalist*) dan tidak bersikap longgar.<sup>17</sup>

### Sejarah Penubuhan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)

PKPIM merupakan sebuah organisasi yang dianggotai oleh pelajar-pelajar Islam dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan (1961) serta Akta Pertubuhan Belia (2016). PKPIM dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *National Union of Malaysian Muslim Students* dan dalam bahasa Arab pula sebagai *al-Ittiḥād al-Waṭanī li al-Ṭullāb al-Muslimīn al-Mālīziyyīn*.

Idea penubuhan sebuah persatuan pelajar Islam adalah hasil daripada Seminar Pelajar-Pelajar Islam Se-Malaya yang diadakan pada 4 September 1960 bertempat di Universiti Malaya (UM). Seminar tersebut diwakili pelajar-pelajar dari Malaya, Indonesia, Singapura, serta para jemputan dari Brunei, Sabah, Sarawak, Filipina, dan Ceylon. Salah satu resolusi seminar tersebut ialah perlunya persatuan pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu mengadakan satu persatuan kebangsaan dengan tujuan menyatupadukan pelajar-pelajar Islam di Persekutuan Tanah Melayu. Seminar tersebut turut menjadi cetus awal gagasan penubuhan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam bertaraf universiti.

Sebuah Jawatankuasa Perancangan Penubuhan dibentuk bagi membincangkan pembentukan dan merangka perlembagaan persatuan tersebut. Mesyuarat penaja bagi penubuhan persatuan tersebut dilaksanakan dan dijayakan oleh sekumpulan pimpinan pelajar daripada lima buah institusi pendidikan tinggi iaitu Universiti Malaya (UM), Maktab Teknik Kuala Lumpur, Maktab Pertanian Malaya, Kolej Islam Malaya, dan Maktab Perguruan Bahasa.

Pada 31 Mac 1961 bertempat di Asrama Kedua, UM, Kuala Lumpur, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu (PKPIPTM) telah ditubuhkan dengan gabungan lima institusi pengajian tempatan. PKPIPTM kemudian didaftarkan secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan (Pendaftaran 1569 Selangor) pada 27 Jun 1961. PKPIPTM ditukar nama kepada PKPIM pada 29 September 1965 sebagai penyesuaian dengan nama negara Malaysia yang dibentuk pada 1963.<sup>18</sup>

---

<sup>14</sup> Khalif Muammar, *Kerangka Pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah: Peranannya dalam Penyatuan Ummah*, dalam Himpunan Makalah Siri Wacana Pandangan 'Alam Islām 2016 (Kuala Lumpur: Himpunan Keilmuan Muslim, 2016), 80.

<sup>15</sup> Sila lihat Surah al-Nisa', 4: 171 dan Surah Hud, 11: 112.

<sup>16</sup> Abdullah Muhammad Zin, *Wasatiyyah Sebagai Manhaj Adab al-Ihktilaf*, 10.

<sup>17</sup> Khalif Muammar, *Kerangka Pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, 79, 85-89.

<sup>18</sup> Abdul Muntaqim, ed., *Monograf Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy* (Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, 2007), 5-7; Muhamad Razak Idris, *Aspirasi PKPIM: Sejarah dan Pendekatan Tajdid Gerakan Pelajar Islam Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, 2022), 1-3; Gani Abdullah Che Amat, *Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM): Satu Analisa Ringkas Tentang Organisasi dan Ideologi Pergerakannya* (thesis Sarjana Muda Universiti Malaya, 1980), 1-4. Untuk mengetahui sejarah perkembangan PKPIM dengan lebih mendalam,

## Prinsip Utama Gerakan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)

Berdasarkan sumber melalui buku,<sup>19</sup> laman sesawang,<sup>20</sup> dan pengalaman penulis,<sup>21</sup> terdapat empat prinsip utama bagi gerakan PKPIM iaitu:

1. Visi, Misi, dan Objektif Gerakan PKPIM.
2. Perkara 4, 7, 10 (4 Lingkung Kebitaraan, 7 Budaya PKPIM, dan 10 Orientasi Gerakan PKPIM).
3. Rukun Ahli Gerakan PKPIM (usrah, tamrin, dan muktamar).
4. Tanzim Harakiy PKPIM.

### [1] Prinsip Pertama: Visi, Misi, dan Objektif Gerakan PKPIM

Prinsip utama pertama bagi PKPIM terdiri daripada tiga perkara iaitu visi, misi, dan objektif gerakan.

#### (1) Visi PKPIM

Visi PKPIM adalah “Menjana Generasi Rabbānīy Demi Membina Tamadun Khayra Ummah”.<sup>22</sup> Melalui visi ini, matlamat utama bagi pergerakan PKPIM adalah pembinaan Tamadun Khayra Ummah. Namun, usaha penjana Generasi Rabbānīy perlu terlebih dahulu diusahakan.

Dalam al-Qāmūs al-Muḥīṭ, maksud rabbānī adalah seseorang yang mengenali Allah (swt) (*al-‘arīf biLLāh ‘azza wa jalla*).<sup>23</sup> Dalam Lisān al-‘Arab dan Tāj al-‘Arūs, maksud rabbānī antaranya adalah orang yang berpengetahuan yang mendalam dalam keilmuwan dan Agama (*al-‘ālim al-rāsikh fī al-‘ilm wa al-dīn*). Dikatakan juga rabbānī itu adalah seseorang yang tinggi kedudukannya dalam ilmu (*al-‘ālī al-darajat fī al-‘ilm*).<sup>24</sup>

Di dalam al-Quran, perkataan *rabbānīy* (رَبَّانِيٌّ) boleh didapati pada tiga tempat sahaja.<sup>25</sup> Contohnya:

---

silalahat Mohd. Hilmi Ramli & Yusni Yussof, *PKPIM: 5 Dasawarsa (1961-2011)* (Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, 2009).

<sup>19</sup> Abdul Muntaqim, ed., *Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy*; Muhamad Razak, *Aspirasi PKPIM*; Siddiq Fadzil, *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan, Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-11* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1982); Mohd Farid Shahrān, ed., *Manhaj Pendidikan Gerakan Islam: Sukatan & Kaedah Pelaksanaan Usrah* (Kuala Lumpur: ABIM, 2009); Perlembagaan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia; Hilmi Ramli & Yusni, *PKPIM: 5 Dasawarsa*.

<sup>20</sup> <https://pkpim.org.my/>

<sup>21</sup> Penulis telah terlibat secara aktif bersama PKPIM sejak 2016 hingga 2023. Penulis pernah menjawat jawatan sebagai Yang Di Pertua bagi PKPIM cawangan kampus dan negeri. Selain itu, penulis pernah menjawat jawatan sebagai Naib Presiden peringkat kebangsaan. Pelbagai latihan atau tamrin juga telah dihadiri sepanjang aktif bersama PKPIM.

<sup>22</sup> Abdul Muntaqim, ed., *Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy*, 9.

<sup>23</sup> Majd al-Dīn al-Fairūzābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2013), 114.

<sup>24</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab* (Qum-Irān: Nashr Adab al-Ḥawzah, 1984), 1:404; al-Zabīdī, *Tāj al-‘Arūs min Jawāhir al-Qāmūs* (Kuwait: al-Turāth al-‘Arabī, 1987), 2:461.

<sup>25</sup> Surah Ali ‘Imran (3:79) dan Surah al-Māidah, (5:44, 63).

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ<sup>٢٦</sup>

Terjemahan: Tidaklah layak bagi kalangan manusia yang diberikan Allah kepadanya kitab dan hukun dan nubuwat, kemudian dia berkata kepada manusia: Hendaklah kamu menjadi hamba-hamba bagiku, bukan hamba Allah. Tetapi (dia berkata): Jadilah kamu orang-orang ketuhanan, dari sebab kamu mengajakan kitab itu dan dari sebab kamu membacanya.<sup>26</sup>

Menurut HAMKA, ayat ini menyatakan bahawa para Nabi itu tidaklah mengajak para manusia untuk menjadi hamba-hamba mereka ataupun secara-cara perlahan-lahan menjadikan para manusia itu hamba mereka sendiri setelah diseru untuk meninggalkan berhala. Sebaliknya, para Nabi itu menyeru kepada manusia agar manusia berhubungan langsung dengan Allah (swt). Mereka tidak akan sekali-kali mengkhianati amanah yang dikurniakan Allah (swt) kepada mereka.<sup>27</sup> HAMKA juga menyatakan:

“Orang yang telah sangat dekat kepada Tuhan itu di dalam ayat ini disebut orang RABBĀNĪ. Yang di dalam ayat kita artikan “Orang-orang ketuhanan”. Kalimat RABBĀNĪ ini berpokok dari RABB, yang berarti TUHAN. Rabb al-‘Ālamīn, artinya, Tuhan sarwa sekalian alam. Sebagai kata *Rūhānī* berasal dari *Rūh*, huruf *Ya* yang di belakang *Ya-nisbah*: *Ya* untuk membangsakan. Maka Rabbānī artinya ialah orang yang dibangsakan kepada Tuhan, sebagai Rūhānī berarti sesuatu hal yang dibangsakan kepada urusan kerohanian.”<sup>28</sup>

HAMKA juga menjelaskan bagaimana manusia dapat mencapai tingkat rabbānīy:

“iaitu mana-mana orang yang telah mempelajarinya dan telah pandai, hendaklah dia mengajarkannya pula kepada orang lain, dan yang kedua hendaklah dia selalu mengkajinya atau mempelajarinya pula, dan membahas, sampai dia kenal betul akan maksud Tuhan.”<sup>29</sup>

Rabbānīy dalam ayat ini juga membawa maksud ilmuwan (*‘ulamā’*) yang beramal dengan ilmunya (*‘ulamā’ yang mengamalkan ‘ilmunya*;<sup>30</sup> *‘ulamā’ ‘āmilīn*).<sup>31</sup> Selain itu, istilah rabbānīy itu dinisbahkan kepada al-Rabb (*al-mansūb ilā al-rabb*), dengan membawa maksud keadaan seseorang yang berpengetahuan akan al-Rabb dan bersungguh-sungguh dalam mentaati al-Rabb (*kawnuhu ‘ālim bih, wa muwāzib ‘alā ṭā’atih*).<sup>32</sup>

Konsep khayra ummah pula dapat difahami menerusi firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ...

<sup>26</sup> Surah Ali ‘Imran, (3:79). Penulis merujuk terjemahan dalam HAMKA, *Tafsīr al-Azhar* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982), 3:215.

<sup>27</sup> HAMKA, *Tafsīr al-Azhar*, 3:216-217.

<sup>28</sup> Ibid., 3:217.

<sup>29</sup> Ibid.

<sup>30</sup> ‘Abd al-Ra’ūf al-Fanṣūrī, *Turjumān al-Mustafīd* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2014), 1:61.

<sup>31</sup> Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm* (Maktabah wa Miṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlādahu, t.th.), 1:56.

<sup>32</sup> Menurut Sībawayh, dalam Muḥammad bin ‘Umar al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1981), 8:122.

Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) ...<sup>33</sup>

Menerusi firman ini, khayra ummah dapat dicapai apabila tiga konsep di bawah ini difahami lalu dilaksanakan iaitu:

- a) Menegakkan yang ma'ruf.
- b) Membanteras yang munkar.
- c) Beriman kepada Allah (s.w.t).

Usaha menegakkan yang ma'ruf dan membanteras yang munkar dilaksanakan melalui dakwah.<sup>34</sup> Berdasarkan huraian di atas, jelas menunjukkan visi PKPIM yang digagaskan mempunyai latar belakang al-Quran.

## (2) Misi PKPIM

Misi PKPIM pula adalah "Gerakan pelajar Islam dinamik dan beriltizam melahirkan generasi muda ke arah memartabatkan idealisme dan cita-cita besar Islam".<sup>35</sup> Berdasarkan misi ini, empat perkara dapat disimpulkan iaitu:

- i. PKPIM merupakan gerakan pelajar Islam.
- ii. PKPIM bersifat dinamik iaitu berubah-ubah mengikut keperluan masa dan keadaan. Tetapi, PKPIM juga mempunyai ketetapan tersendiri (*iltizām*) yang tidak berubah-ubah mengikut keperluan masa dan keadaan.
- iii. Fokus sasaran dakwah PKPIM adalah generasi muda.
- iv. Idealisme dan cita-cita besar Islam itu merujuk kepada terbinanya Dunia Islam dan Khilafah Islamiyyah. Hal ini kerana PKPIM itu merupakan sebuah gerakan Islam (*Harakah al-Islāmiyyah*)

## (3) Objektif Gerakan PKPIM

Objektif gerakan PKPIM pula adalah seperti berikut:

- Menjadi satu badan induk yang mewakili pelajar-pelajar Islam di Malaysia untuk berkembang dan berjuang ke arah merealisasikan idealisme Islam yang syumul (komprehensif) selaras dengan tuntutan al-Quran dan al-Sunnah.
- Mengeratkan dan merapatkan tali persaudaraan di antara semua pelajar Islam Malaysia.
- Menjadi wakil bagi mengemukakan kesulitan, permintaan serta tuntutan pelajar-pelajar Islam kepada pihak yang berkaitan dengan masalah pelajaran, kebudayaan, kemasyarakatan dan lain-lain.

---

<sup>33</sup> Surah Ali 'Imran, 3:110.

<sup>34</sup> Sila lihat, Surah Ali 'Imran, 3:104.

<sup>35</sup> Abdul Muntaqim, ed., *Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy*, 9.

- Mengadakan kemudahan kepada para pelajar tanpa mengira perbezaan agama, kaum, pergaulan hidup, ataupun bahasa.
- Mewakili pelajar-pelajar Islam semasa di dalam dan luar negara, merapatkan ukhuwah Islamiah serta bekerjasama dengan persatuan-persatuan yang sama dasar perjuangannya dengan PKPIM.<sup>36</sup>

## [2] Prinsip Kedua: Perkara 4, 7, 10 PKPIM

Prinsip utama kedua bagi PKPIM terdiri daripada tiga perkara iaitu:

- Empat Lingkung Kebitaraan PKPIM
- Tujuh Budaya PKPIM
- Sepuluh Orientasi Gerakan PKPIM

### (a) Empat Lingkung Kebitaraan PKPIM

Empat lingkung kebitaraan ini dijadikan sebagai suatu garis panduan utama selepas gagasan “Generasi Bitara” diangkat dan dihuraikan dalam Ucapan Dasar di Majlis Perhimpunan Agung Tahunan (MPAT) PKPIM Kali Ke-54 oleh Saudara Mohammad Fazril Mohd Saleh, Presiden PKPIM ke-31. Terdapat empat elemen yang membentuk Lingkung Kebitaraan PKPIM iaitu Intelektualisme, Idealisme, Aktivisme, dan Spiritualisme.<sup>37</sup> Empat Lingkung Kebitaraan ini merupakan salah satu modus operandi pembangunan ahli PKPIM ke arah menjadi “Mahasiswa Bitara”.

‘Bi’ dalam Bahasa Sanskrit merujuk kepada ‘tiada’. Oleh itu, bitara merujuk kepada ‘tiada tara’ yang juga merujuk kepada tiada sama, bandingan, imbangan; tiada setaraf, sekedudukan, peringkat; tiada sepadan, setimbal, seimbang; tiada sebanding, setanding, selaras.<sup>38</sup> Seorang mahasiswa yang bitara itu bukanlah bererti seseorang penuntut ilmu di pusat pengajian tinggi yang tiada taranya secara mutlak, tetapi mempunyai ciri-ciri istimewa yang berbeza dengan mahasiswa lain. Keadaan ini menjadikan mereka yang bitara itu adalah terlebih berkualiti berbanding mahasiswa lain.

Terdapat satu garis panduan yang disebut sebagai “Disiplin Haraki (*Code of Ethics and Conducts*) PKPIM Yang Empat”<sup>39</sup> bagi mencapai empat lingkung kebitaraan ini:

#### a) Aspek 1- Ibadah & Spiritualisme

- Solat berjemaah lima waktu; Solat sunat rawatib; Solat sunat dhuha.
- Membaca al-Quran setiap hari; Bacaan surah al-Mulk sebelum tidur; Menghafaz al-Quran dan Hadith; Zikir al-Mathurat pagi dan petang.

---

<sup>36</sup> Hilmi Ramli & Yusni, *PKPIM: 5 Dasawarsa*, xviii.

<sup>37</sup> Fazril Saleh, *Bitara: Beberapa Catatan Buat Pedoman Teman-teman* (Kuala Lumpur: Akademi Kajian Ketamadunan dan PKPIM, 2016), 255-263.

<sup>38</sup> Kamus Dewan Edisi Ke-4 (Kuala Lumpur: DBP, 2019), 195 dan 1608.

<sup>39</sup> Fazril Saleh, *Nasihat al-Muluk dan Etika Kepimpinan Belia Islam* (Kuala Lumpur: ABIM, 2018), 63; Fazril Saleh, *Bitara*, 82-88.



- Puasa sunat sebulan tiga kali; Qiyamulail; Mendengar tazkirah dan motivasi; Bermuhasabah sebelum tidur setiap malam.
  - Mengikuti usrah setiap minggu.
- b) Aspek 2- Keilmuwan & Intelektualisme
- Disiplin membaca satu jam setiap hari.
  - Menelaah dan mengulangkaji pelajaran atau tugas kerja satu jam setengah setiap hari; Menulis sekali satu minggu.
  - Berdiskusi ilmiah sekali satu minggu; Menghadiri majlis ilmu, kuliah dan wacana ilmiah sebulan dua kali.
- c) Aspek 3- Kepedulian & Aktivisme
- Membaca akhbar dan isu semasa setiap hari; Peduli isu umat.
  - Sukarela membantu orang lain setiap hari; Bersedekah setiap hari.
  - Bertegur sapa dengan baik kepada jiran tetangga setiap hari.
  - Ucapan terima kasih kepada guru dan sesiapa sahaja yang berurusan dengan kita.
  - Telefon ibu bapa setiap minggu dengan kerap.
- d) Aspek 4- Pengurusan Kendiri
- Kemaskini planner masing-masing setiap hari; Rancang jadual harian dan masa bagi setiap aktiviti.
  - Sediakan segala keperluan sebelum tidur; Kemas bilik/rumah setiap hari.
  - Kawal dan rancang perbelanjaan.
  - Utamakan dan siapkan perkara-perkara penting; Sentiasa kemaskini progres bagi setiap perancangan; Failkan segala dokumen dan susunkan sebaiknya.
  - Tidak tidur selepas Solat Subuh.

## **(b) Tujuh Budaya PKPIM**

Budaya PKPIM yang tujuh ini merupakan pegangan dan amalan yang diterapkan dalam kalangan ahli PKPIM. Tujuh budaya tersebut adalah:

### **i. Memugar Budaya Ilmu dan Berakhlak Mulia**

PKPIM mengangkat kedudukan ilmu pengetahuan sebagai asas dalam organisasi dan gerak kerja. Berbudaya ilmu menuntut para ahli PKPIM bukan sahaja menguasai ilmu-ilmu fardu ain tetapi juga ilmu-ilmu fardu kifayah. Selain itu, berbudaya ilmu juga secara tidak langsung menentang budaya kejahilan dan kebalan. Wan Mohd Nor mentakrifkan budaya ilmu sebagai:

“Budaya ilmu antara lain bermaksud kewujudan satu keadaan yang setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, baik secara langsung mahupun tidak langsung, dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan. Budaya ilmu juga merujuk kepada kewujudan satu keadaan yang segala tindakan manusia baik di tahap individu, apatah lagi di peringkat masyarakat,

diputuskan dan dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan sama ada melalui pengkajian mahupun syura.”<sup>40</sup>

Terdapat lapan nilai yang diperlukan bagi menjelmakan budaya ilmu iaitu mementingkan ilmu, berkekalannya usaha ilmiah, berterusannya usaha keilmuan, sikap hormat-kritis terhadap ilmu, kesinambungan tradisi ilmu, nilai kepimpinan, bermusyawarah, dan pengiktirafan peranan wanita.<sup>41</sup>

Di samping berusaha mencapai ilmu, pengamalan terhadap ilmu yang dipelajari itu juga ditekankan seperti yang tertera pada frasa “Berakhlak mulia”. Akhlak yang dijadikan pedoman adalah akhlak Nabi Muhammad (saw). Tidaklah memadai sekadar berilmu tanpa berakhlak mulia. Antara perkara yang dilaksanakan PKPIM bagi menjelmakan budaya ini adalah:

- Melaksanakan program keilmuan seperti wacana intelektual, bedah buku, dan bedah filem.
- Memastikan pengisian usrah mencabar para ahli untuk berfikir dengan menekuni karya-karya berat.
- Pendirian yang dibuat dan tindakan yang dilaksanakan adalah tidak berdasarkan kepada emosi atau ketaksuban tetapi atas dasar ilmu dan kebenaran.

## ii. Bersedia untuk Belajar, Mengajar, dan Diajar

Budaya ini mendidik para ahli PKPIM untuk sedar akan adanya kelebihan yang dimiliki orang lain dan kelemahan yang dimiliki diri sendiri lalu bersifat rendah diri. Selain itu, nilai menuntut ilmu sepanjang hayat dan mencintakan ilmu dalam kalangan ahli juga dipupuk melalui budaya ini. Antara perkara yang perlu diamalkan oleh ahli PKPIM bagi menjelmakan budaya ini adalah:

- Terbuka dalam menerima pandangan iaitu tidak jumud dan sombong serta bersedia untuk diajar.
- Berhikmah dalam menegur pihak lain dan bersedia untuk mengajar.
- Cintakan ilmu dan ilmuwan.

## iii. Penghayatan Amalan Kerohanian

PKPIM berusaha memastikan para ahlinya mempunyai kualiti amalan kerohanian yang mantap. Kualiti ini adalah penting bagi menghadapi cabaran kehidupan masa kini.

Pengamalan dan pengamalan yang dihayati adalah dua perkara yang berbeza. Untuk mencapai penghayatan, seseorang itu perlulah ikhsan iaitu:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

---

<sup>40</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini* (Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM, 2019), 43.

<sup>41</sup> Ibid., 63-90.

Terjemahan: “Engkau menyembah Allah seolah-olahnya engkau melihatnya, tetapi jika engkau tidak melihatNya, maka sesungguhnya Dia Melihat engkau.”<sup>42</sup>

Antara perkara yang diamalkan oleh ahli PKPIM bagi menjelmakan budaya ini adalah:

- Mengamalkan membaca al-Mathurat di waktu pagi dan petang.
- Melazimi amalan membaca dan mentadabbur ayat al-Quran semasa usrah.

#### iv. **Memperkasa Semangat Ukhuwwah Islamiyyah**

Ukhuwwah dan ukhuwwah Islamiyyah mempunyai ciri khas yang membezakan keduanya. Semangat ukhuwwah Islamiyyah ini tidak dapat tidak terbina atas dasar akidah Islam yang kemudiannya melahirkan rasa kasih sayang sesama insan kerana Allah (swt). Semangat ini secara tidak langsung dapat memupuk perasaan kesatuan ummah iaitu umat Nabi Muhammad (saw). Memelihara ukhuwwah Islamiyyah adalah penting dan ianya mempunyai hubungan dengan keimanan sepertimana dalam hadith Nabi SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّىٰ يُحِبُّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Terjemahan: Tidak beriman (secara sempurna) seseorang kamu hingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.<sup>43</sup>

Budaya ini terbentuk melalui:

- Amalan usrah dalam kalangan ahli PKPIM.
- Amalan dakwah fardiyah.

#### v. **Menghayati Amalan Shura, Amal Jama’iy dan Budaya Kerja Terancang**

Shura merupakan salah satu budaya PKPIM bagi memastikan kelancaran perjalanan kepimpinan dan organisasi. Shura merupakan sebuah platform percambahan fikiran di samping menggalakkan perundingan yang meluas dalam proses membuat pilihan terbaik (*the best option*) dan perancangan tersusun. Melalui shura, perbincangan yang berlaku adalah berpandukan maklumat yang benar dan menyeluruh. Keterlibatan pandangan yang pelbagai pula akan mengukuhkan lagi penerimaan ahli terhadap pendirian dan sikap yang diambil oleh kepimpinan PKPIM yang merupakan anggota utama majlis shura. Kepentingan shura ini menurut Islam termaktub di dalam al-Quran pada Surah al-Shūrā (42:38) dan Ali ‘Imrān (3:159). Maksud shura sepertimana dijelaskan oleh Siddiq Fadzil:

*Shura* adalah forum yang disemangati prinsip kebebasan berfikir dan bersuara, didasari komitmen terhadap pendaulatan nilai kebenaran tanpa mengira dari mana atau dari siapa datangnya. *Shura* adalah medan tegaknya *the authority of ideas*, dan bukannya *the idea of authorities*. Ini bererti bahawa tradisi *shura* hanya mungkin terbina dalam masyarakat atau jamaah yang memiliki kekuatan budaya berfikir, yang memiliki keterbukaan terhadap pluraliti atau *ta’addudiyyah* dalam erti kata kesediaan menerima kepelbagaian dan perbezaan pendapat

<sup>42</sup> Petikan daripada Hadith Nabi (saw) yang ke-2 dalam Muḥy al-Dīn Yaḥyā al-Nawawī, *Matn Arba’in al-Nawawiyah* (Jakarta: Maktabah al-Sa’adiyah Putra, t.th), 8.

<sup>43</sup> Ibid., 14.

yang akhirnya bersedia pula untuk menghormati keputusan jama'iy, memberikan dukungan terhadap pendapat yang terpilih menerusi prosedur syuriah, terlepas daripada persoalan sama ada tadinya ia bersetuju atau tidak.<sup>44</sup>

Amal jama'iy iaitu kesatuan amal juga merupakan perkara yang dibudayakan dalam PKPIM. Namun, kesatuan amal hanya akan berlaku apabila wujudnya kesatuan fikrah (*wahdah al-fikr*). Kesatuan amal ini pula akan menatijahkan gerak kerja organisasi yang tersusun dan berterusan. Prosesnya adalah seperti berikut:

Shura → Kesatuan fikrah → Kesatuan amal → Gerak kerja yang tersusun

Kepentingan akan gerak kerja terancang ini juga merupakan perkara yang disukai oleh Allah (swt) sepertimana yang termaktub dalam Surah al-Saff (61:4). Selain itu, gerak kerja yang terancang adalah penting sepertimana kata-kata di bawah ini yang dinisbahkan kepada Saidina Ali (ra):

الحق بلا نظام يغلبه الباطل بالنظام

Terjemahan: Kebenaran yang tidak tersusun (terancang) akan ditewaskan oleh kebatilan yang tersusun (terancang).

Budaya ini terbentuk melalui pengamalan shura oleh ahli PKPIM pada pelbagai peringkat. Ahli majlis shura PKPIM secara amnya bukan sahaja dianggotai oleh ahli PKPIM tetapi juga para senior daripada ABIM dan Wadah Pencerdasan Umat (WADAH).

#### vi. Prihatin dan Peka dengan Isu Semasa

Para ahli PKPIM digesa agar prihatin dan peka terhadap perkembangan semasa masyarakat sama ada tempatan atau luar negara. Budaya ini juga bertepatan dengan cogan kata PKPIM iaitu "Hidup Biar Berjasa" dan salah satu lingkung kebitaraan iaitu "Aktivisme". Kepentingan agar bersikap prihatin terhadap isu semasa lebih-lebih lagi sebagai ahli gerakan Islam ditegaskan oleh Siddiq Fadzil:

رحم الله رجلا عرف زمانه

(Allah merahmati orang yang memahami situasi zamannya)

Kita bukan golongan **absurd** yang hanyut di alam fantasi tetapi kita adalah aktivis realis di tengah-tengah kancah pergumulan persoalan-persoalan yang riil, nyata dan praktis.<sup>45</sup>

Budaya ini awalnya dipupuk melalui perbincangan tentang isu semasa di dalam usrah. Seterusnya dipupuk melalui pelaksanaan gerak kerja di lapangan sama ada di peringkat kampus atau masyarakat.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh PKPIM berkaitan pembudayaan budaya ini adalah 'himpunan soladiriti' sebagai respon terhadap isu semasa yang berbangkit, 'seorang sekampit beras' iaitu program pengagihan makanan asas kepada masyarakat berkeperluan di

<sup>44</sup> Siddiq Fadzil, *Shura: Penghayatan dan Pendaulatannya dalam Gerakan Islam*, dalam *Peraturan Tetap Majlis Syura Negeri* (Bangi: Sekretariat Majlis Syura Kebangsaan, 2008), 4. Ini merupakan teks ucapan khas sempena persidangan kali pertama Majlis Syura Kebangsaan pada 5 Ogos 2007 di Dewan Shura, Kolej Dar al-Hikmah.

<sup>45</sup> Siddiq Fadzil, *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*, 18-19.

bulan Ramadan, dan 'Misi Bendera Putih' iaitu program agihan bantuan barang keperluan kepada masyarakat berkeperluan semasa musim pandemik Covid-19.

### vii. Budaya Juang di Jalan Allah

Penghayatan budaya juang di Jalan Allah atau (*rūḥ al-jihād fī sabīl liLLah*) merupakan amalan peringkat tertinggi hasil daripada latihan dan didikan dalam PKPIM. Melalui pembentukan budaya ini, ruh istiqamah dalam kalangan ahli bagi memperjuangkan dan mengembangkan Agama Islam dalam kehidupan masyarakat pada setiap segi kehidupan akan terus diperkukuhkan. Kepentingan berjihad ini sepertimana termaktub dalam al-Quran:

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ ...

Terjemahan: Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya...<sup>46</sup>

Amalan jihad di jalan Allah SWT tidak wajar dilihat secara sempit misalnya menganggap jihad itu sekadar berjuang menentang musuh dengan senjata. Sebaliknya perlu dilihat dengan lebih luas seperti jihad menentang hawa nafsu, jihad menentang syaitan, jihad menentang orang kafir, jihad terhadap orang munafik, dan jihad terhadap orang yang zalim serta fasik.<sup>47</sup> Pelaksanaan jihad dalam Islam juga amat meluas bukan semata-mata melalui kekerasan senjata, namun meliputi perjuangan membangunkan kekuatan ilmu, ekonomi, dan sosial umat Islam. Siddiq Fadzil berpesan:

Iklim jihad harus sentiasa menyelubungi setiap aspek kehidupan berharakah dan setiap pendukung harakah harus menjadi mujahid mengikut kemampuan dan keperluan. Jihad adalah tugas asasi yang abadi dengan ruangnya yang luas mulai dari pengingkaran hati sampailah ke medan perang yang ditengahi oleh sederet bentuk-bentuk jihad termasuklah *amar ma'ruf nahi munkar*, jihad lisan, jihad pena, jihad tangan dan gugatan haq terhadap kezaliman pemerintah.<sup>48</sup>

Budaya ini dipupuk dalam kalangan ahli PKPIM secara perlahan melalui penglibatan ahli dalam program anjuran PKPIM khususnya usrah dan program berbentuk latihan seperti tamrin.

### (c) Sepuluh Orientasi Gerakan PKPIM

Orientasi gerakan PKPIM merupakan kaedah, tatacara, dan landasan kefahaman sebagai garis panduan buat ahli PKPIM dalam melakukan gerak kerja untuk mencapai visi, misi, dan objektif gerakan.<sup>49</sup> Sepuluh orientasi gerakan tersebut adalah:

#### i. Dakwah dan Tarbiyyah

Berdasarkan orientasi ini, PKPIM memberi penekanan akan gerak-kerja yang bertujuan dakwah, iaitu mengajak kepada kebaikan (*amr bi al-ma'ruf*) dan menegah daripada perkara yang

<sup>46</sup> Surah al-Hajj, 22:78

<sup>47</sup> Bagi huraian lebih lanjut, sila lihat Muhammad Na'eem Yasin, *Jihad*, terj. Ismail Mohd. Hassan (Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1996).

<sup>48</sup> Siddiq Fadzil, *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*, 24.

<sup>49</sup> Sepuluh perkara ini juga telah dijelaskan dalam Muhamad Razak Idris, *Aspirasi PKPIM*, 11-16.

mungkar (*nahy 'an al-munkar*). Setiap program atau gerak-kerja PKPIM perlu mempunyai kedua-dua elemen ini secara langsung atau tidak langsung. Para ahli PKPIM digesa untuk mempunyai kefahaman akan peri pentingnya dakwah dan asas-asas dakwah (*fiqh al-da'wah*) serta kemahiran berdakwah. Kemahiran ini dibentuk melalui program-program latihan seperti tamrin.

Pendidikan dalaman bagi gerakan Islam selalunya dirujuk dengan istilah tarbiyyah. Tarbiyyah ini merupakan asas pembinaan para ahli dan ianya telah ditekankan oleh gerakan Islam sejak dahulu lagi. Abdul Wahab Zakaria menyatakan:

Tujuan tarbiyyah ialah mendidik setiap anggota harakah supaya dapat meresapkan budi Islam ke dalam dirinya dan menjelmakan semula budi tersebut kepada daya Islam di tengah-tengah masyarakat hidupnya. Sehingga al-Shakhṣiyyah al-Islamiyyah terserlah di dalam fikiran, perasaan, sikap, dan amalan hidupnya seharian yang mencerminkan kehidupan seorang Muslim di dalam segala keadaan, sehingga aktiviti hidupnya dan kehidupan anggota harakahnya membina kebudayaan Islam.<sup>50</sup>

Pelaksanaan tarbiyyah oleh PKPIM ini bukan sahaja berlaku secara dalaman tetapi juga pada peringkat luaran. Contoh pelaksanaan tarbiyyah secara peringkat dalaman adalah amalan usrah dan tamrin. Bagi peringkat luaran, PKPIM komited dalam melaksanakan program-program bagi para pelajar di peringkat universiti dan sekolah serta masyarakat umumnya dengan tujuan untuk mendidik lalu mencapai pembangunan insan ke arah yang lebih baik (*iṣlāḥ al-nās*).

## ii. Ilmiah

Berdasarkan orientasi ini, ahli PKPIM mengangkat ilmu sebagai teras utama dalam gerakan. PKPIM berusaha memastikan semua keputusan dan tindakan yang dilaksanakan adalah tidak atas dasar emosi atau secara ikut-ikutan membuta tuli. Sebaliknya, PKPIM beramal dengan amalan mengkaji dan menganalisis sebelum mengeluarkan sesuatu pendapat atau keputusan serta sebelum melakukan sesuatu perkara. PKPIM juga menentang keras sikap golongan yang ingkar ilmu, bebalisme, mengangkat kejahilan, dan pelampau (*extremist*).

## iii. De-sekularisasi

Proses sekularisasi bermatlamatkan pelonggaran lalu penolakan terhadap agama. Sekularisasi merupakan suatu proses membebaskan manusia daripada kawalan agama dan kemudiannya metafizik ke atas pemikiran seseorang itu. Antara elemen penting sekularisasi itu adalah penolakan unsur-unsur kerohanian (*metaphysic*) dalam segala sesuatu. Sekularisasi juga menjunjung tinggi *humanism* yang mana menjadikan manusia sebagai neraca utama segala sesuatu dengan mengetepikan Tuhan. Antara kesan sekularisasi adalah *dualism* iaitu penduaan yang mutlak terpisah tanpa kesepaduan. *Dualism* ini dapat dilihat dalam kefahaman yang memisah-misahkan ilmu keagamaan (*religious sciences*) dengan ilmu-ilmu lain misalnya *rational sciences; intellectual sciences; philosophical sciences* secara mutlak.<sup>51</sup>

Berdasarkan orientasi ini, PKPIM menentang ideologi sekularisme. Usaha untuk menentang sekularisme ini adalah melalui proses de-sekularisasi terlebih dahulu dan kemudiannya

---

<sup>50</sup> Abdul Wahab, *Konsep Kepimpinan dalam Islam*, 153.

<sup>51</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2014), 15-49.

Islamisasi. PKPIM berusaha membentuk para ahlinya dan masyarakat agar terpelihara daripada ideologi sekularisme melalui program-program yang dilaksanakan. PKPIM juga mengangkat agenda kesepaduan dan kesatuan (*tawhīd*) ilmu dalam membangunkan generasi pelajar yang mampan. PKPIM juga memberi penekanan akan peri pentingnya setiap orang Islam lebih-lebih lagi pelajar untuk menguasai ilmu fardu 'ain dan ilmu fardu kifayah berdasarkan kadar masing-masing.

#### iv. Kesederhanaan (Wasatiyyah)

Umat Islam seharusnya secara semulajadi bersikap wasatiyyah<sup>52</sup> sekiranya benar-benar memahami Islam dan beramal dengannya. Menjadi *ummatan wasatan* itu bukanlah bererti menjadi kelompok di tengah-tengah, tetapi lebih tepat lagi, menjadi umat yang adil; umat yang seimbang; umat yang terbaik dan ini menjurus kepada sikap seimbang dan saksama.<sup>53</sup> Menjadi *ummatan wasatan* tidak dapat tidak berhajat kepada ilmu dan pemikiran yang benar.

Wasatiyyah juga bukanlah bermaksud bertoleransi secara membuta-tuli, tetapi bersikap tidak melampau-lampau, dan sikap ini akan menatijahkan keadilan iaitu suatu keadaan yang mana setiap perkara diletakkan pada tempat masing-masing. Bukanlah wasatiyyah namanya sekiranya tidak mencapai keadilan. Berdasarkan orientasi ini, PKPIM akan mengelakkan diri daripada bersikap ekstrem dan menolak sikap ekstrem baik pada sudut pemikiran mahupun amalan.

#### v. Kemasyarakatan (Jamāhīriyyah, Akomodatif)<sup>54</sup>

Berdasarkan orientasi ini, gerak kerja dakwah PKPIM adalah menyeluruh mencakupi seluruh sektor dan golongan manusia tanpa bersikap elit. Siddiq Fadzil menjelaskan tentang dakwah yang menyeluruh:

Dakwah yang menyeluruh membawa erti orientasi *jamāhīriyyah* bukan *elitis*, dan selaras dengan itu sikap *akomodatif*, adalah perlu untuk memungkinkan kita mendidik massa. Memang gerakan dakwah seharusnya berakar di tengah-tengah masyarakat, bukan berpaut ke atas. Islam harus dibawa ke mana saja, Islam bukan agama kampung atau bandaran, tetapi Islam adalah agama sejagat. Justru itu dakwah Islamiah tidak harus bersifat *rural based* atau *urban based* tetapi seharusnya *ummah based*.<sup>55</sup>

Gerak kerja dakwah PKPIM juga mengambil kira kepentingan masyarakat secara menyeluruh berbanding kepentingan peribadi. Selain itu, perencanaan PKPIM mengambil kira keperluan dan kepentingan masyarakat setempat secara umum. PKPIM juga mengamalkan sikap harmoni dengan mengambil kira kepelbagaian gaya hidup masyarakat sedia ada.

#### vi. Setempat (Waqi'iyah)

---

<sup>52</sup> Surah al-Baqarah, 2:143

<sup>53</sup> *MyWasatiyyah: Jihad Mendaulatkan Islam, Mengekang Ekstremisme Agama dan Pelampau Liberalisme* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2015), 2.

<sup>54</sup> Jamāhīr adalah daripada perkataan *jumhūr*.

<sup>55</sup> Siddiq Fadzil, *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*, 20.

PKPIM mengangkat Nabi Muhammad (saw) dan para sahabat (ra) sebagai rujukan dan ikutan utama, tetapi ini tidaklah bermaksud dengan membawakan diri ke tempat dan zaman mereka. Sebaliknya, dengan mengambil pedoman mereka untuk dipraktikkan zaman kini. PKPIM tidak bersikap jumud dalam berfikir dan bertindak.

Berdasarkan orientasi ini, keadaan masa semasa dan tempat setempat menjadi perkara penting buat PKPIM dalam membuat pertimbangan dan mengatur rencana untuk membangunkan ahlinya, para pelajar, dan masyarakat. Keadaan setempat pada pelbagai aspek meliputi kepercayaan, budaya, nilai, sejarah, undang-undang, dan adat resam yang telah sedia ada dalam sesebuah masyarakat perlu dihormati. Orientasi ini melatih para ahli PKPIM untuk bersikap hikmah dalam berinteraksi terhadap para sasaran dakwahnya dengan mengambil kira keadaan semasa orang tersebut dan keadaan tempat setempat.

#### **vii. Berkesinambungan (Tārīkhiyyah, Historis)**

PKPIM merupakan sebuah organisasi yang diasaskan daripada susur-galur sejarah perjuangan dakwah yang pandang. Kelahiran PKPIM adalah tidak terasing daripada kesinambungan sejarah yang panjang.

Berdasarkan orientasi ini, PKPIM menghargai sumbangan sejarah masa lalu dan menjadikannya sebagai panduan penting untuk merencana gerak kerja organisasi pada masa kini. Pengalaman terdahulu adalah sumber hikmah yang mesti digali dan dijadikan pedoman untuk memacu kemajuan gerakan dan umat Islam pada masa hadapan. Berdasarkan orientasi ini juga, PKPIM berusaha sedaya upaya untuk terus bersikap matang dan kekal relevan sepanjang zaman.

#### **viii. Sejagat ('Ālamiyyah, Global)**

Berdasarkan orientasi ini, PKPIM memastikan gerak kerjanya menjangkau sempadan geografi negara, agama, parti politik, bangsa, dan budaya. Jangkauan ini merujuk kepada sasaran dakwah, bukannya prinsip gerakan PKPIM itu sendiri. Salah satu usaha PKPIM beramal dengan orientasi ini adalah keterlibatan PKPIM sebagai salah sebuah badangan gabungan bersama gerakan-gerakan Islam lain di luar negara contohnya The Union of NGOs of the Islamic World (Young UNIW), World Assembly of Muslim Youth (WAMY), dan Persekutuan Pelajar Islam Asia Tenggara.

#### **ix. Berpendirian Bebas yang Berprinsip (Non-Partisan)**

Berdasarkan orientasi ini, PKPIM tidak fanatik atau taksab kepada mana-mana parti politik atau kelompok tertentu. Namun, kebenaran menjadi pegangan dan haluan perjuangan PKPIM. PKPIM juga tidak akan sesekali bersetuju dengan apa-apa pandangan mana-mana parti politik atau kelompok tertentu yang bertentangan dengan ilmu dan kebenaran serta keadilan.

Melalui orientasi ini bukanlah bererti PKPIM menolak untuk melibatkan diri (*participate*) dalam politik atau sesebuah kelompok tertentu. Tetapi, PKPIM tidak akan tunduk kepada mana-mana pihak yang bertentangan dengan ilmu dan kebenaran. Selain itu, berpolitik bukanlah agenda utama PKPIM kerana PKPIM bukanlah gerakan politik (*ḥarakah al-siyāsiyyah*). Siddiq Fadzil menjelaskan akan hal ini:



“Yang nyata kita bukan partai politik dan kerana itu peranan politik kita tidak berbentuk kepartaian yang menumpu pada persaingan merebut kuasa dalam proses pilihanraya. Politik kepartaian dan seterusnya penyertaan dalam proses demokrasi pilihanraya bukan uslub asasi, bukan **jawhar al-‘amal** gerakan Islam. Ianya hanyalah sekadar **umūr jānibiyah** - urusan sampingan yang digarap dengan kadar yang terbatas. Oleh itu bagi pendukung-pendukung gerakan Islam perhitungan politik kepartaian tidak seharusnya mengatasi kepentingan gerakan Islam dan **jawhar al-‘amal al-Islāmīy**.”<sup>56</sup>

#### x. Berwawasan Masa depan (Futuristik)

Berdasarkan orientasi ini, PKPIM menggesa para ahlinya untuk mempunyai wawasan. Ahli PKPIM juga perlu berpandangan jauh, bercita-cita besar, dan bersikap melakukan sesuatu demi generasi akan datang. Berdasarkan orientasi ini juga, pimpinan PKPIM khususnya digesa untuk bersikap optimistik terhadap generasi terkemudian. Dengan mempunyai renungan futuristik ini, ahli PKPIM tidak sewajarnya membuang masa sebalik mula bertindak sekarang sesegera mungkin dengan membina diri peribadi masing-masing sebagai persediaan untuk membina generasi akan datang.

### [3] Prinsip Ketiga: Rukun Ahli Gerakan PKPIM

PKPIM bukanlah semata-mata sebuah pertubuhan gerakan pelajar atau pertubuhan peringkat belia, tetapi juga merupakan sebuah gerakan Islam (*ḥarakah al-Islāmiyyah*). Berdasarkan prinsip utama ketiga ini, terdapat tiga perkara yang mesti dilalui oleh para ahli PKPIM yang dikenali sebagai tiga rukun ahli gerakan iaitu usrah, tamrin, dan muktamar.

#### (a) Usrah

Usrah adalah:

“Kumpulan *afrādul al-mu‘minīn* (individu-individu mukmin) yang beriman kepada Islam, berusaha tolong-menolong sesama mereka untuk memahami dan menghayati Islam berdasarkan firman Allah (swt):

... وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ<sup>57</sup>

Terjemahan: Hendaklah kamu nasihat-menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menepati kesabaran.”<sup>58</sup>

Usrah merupakan salah satu bentuk proses pendidikan dalaman dan pengisian buat para ahli PKPIM. Usrah juga merupakan nadi bagi sesebuah gerakan Islam. Melalui usrah, pelbagai perkara boleh dibincangkan, di samping melakukan rencana untuk agenda besar ataupun

<sup>56</sup> Siddiq Fadzil, *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*, 26.

<sup>57</sup> Surah al-‘Asr (103:3)

<sup>58</sup> Abdul Wahab Zakaria, *Konsep Kepimpinan dalam Islam*, 158.

melakukan aktiviti-aktiviti secara berjemaah. Melalui usrah juga, hubungan silaturrahim sesama ahli usrah akan terjalin dan dipereratkan lagi.<sup>59</sup>

Terdapat pelbagai jenis usrah yang dilaksanakan dalam PKPIM. Empat jenis usrah yang paling utama adalah usrah unit, usrah pimpinan, usrah gabungan, dan usrah umum. Usrah yang paling penting dan perlu dilaksanakan secara mingguan adalah usrah unit yang mana anggota usrahnya terdiri daripada seorang naqib dan beberapa orang ahli usrah.

### **(b) Tamrin**

Tamrin secara asasnya bermaksud latihan. Tamrin merupakan sebuah bentuk pendekatan dalam pendidikan ke atas ahli PKPIM berdasarkan sirah Nabi Muhammad (saw) yang sering keluar berjuang baik semasa marhalah Baginda (saw) di Makkah mahupun di Madinah. Melalui tamrin, ahli-ahli yang terlibat akan ditempa wataknya; diuji daripada berbagai sudut; dilatih untuk sanggup berkorban dan diuji komitmen mereka; dibentuk kesatuan fikrah; disimpulkan jalinan ukhuwwah mereka; digilap kepimpinannya; dilatih amalan kerjasama dan saling membantu secara praktikal; diperkuatkan disiplin haraki; diperkukuhkan daya tahan dan keyakinan.<sup>60</sup>

Dalam pelaksanaan PKPIM, terdapat tiga jenis tamrin utama dan setiap tamrin itu berada pada peringkat yang berbeza-beza. Tamrin yang paling asas adalah tamrin jundi, kemudian tamrin nuqaba', dan seterusnya tamrin qiyadi. Pelaksanaan tamrin ini tidaklah sekerap usrah. Lazimnya, setiap jenis tamrin itu dilaksanakan secara tahunan.

### **(c) Mukhtamar**

Dalam pengamalan PKPIM, muktamarnya dinamakan sebagai Majlis Perhimpunan Agung Tahunan (MPAT). Mukhtamar merupakan sebuah medan untuk para ahli PKPIM memberikan pendapat khususnya semasa sesi perbahasan usul atau hal-hal berbangkit. Melalui mukhtamar, para ahli PKPIM dapat memberikan usul untuk dibincangkan. "Usul" di sini boleh difahami sebagai pendapat, syor, anjuran, atau nasihat. Usul yang diterima untuk perbahasan akan dibahaskan. Para ahli akan mengemukakan hujah masing-masing sama ada untuk menyokong atau membantah usul tersebut.

Selain perbincangan usul, mukhtamar juga merupakan sesi yang mana PKPIM Pusat membentangkan laporan tahunan gerak kerja dan laporan kewangan. Antara perkara penting yang dimaklumkan dan dibincangkan dalam mukhtamar juga adalah barisan pimpinan baharu PKPIM bagi sesi berikutnya. Mukhtamar juga merupakan medan untuk para ahli dan pimpinan PKPIM bermuhasabah akan perkara-perkara yang telah dirancang, dilaksanakan, dan diusahakan sepanjang sesi berkenaan.

---

<sup>59</sup> Mohd Farid Mohd Shahrin, ed., *Manhaj Pendidikan Gerakan Islam*, ix. Antara garis panduan pelaksanaan usrah bagi PKPIM yang telah dihasilkan, sila lihat *Risalah Tarbiyyah ABIM* oleh Dr. Abdul Halim El-Muhammadiyah (1994), *Panduan Pelaksanaan Usrah* oleh Hj. Abd. Halim Ismail, dan *Risalah Usrah (Tafsir al-Quran)* suntingan oleh Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali (2005).

<sup>60</sup> Abu Toriq As-Syami, Usrah dan Tamrin yang Efektif dan Produktif, dalam *Persidangan Meja Bulat Pengukuhan Tarbiyah Jamaah 2017 (WADAH-ABIM-PKPIM)*. Persidangan tersebut merupakan anjuran Majlis Kaderisasi dan Tarbiyah (MAKTAB) pada 4 Februari 2017 bertempat di Anjung Rahmat, Sungai Merab, Selangor.

#### [4] Prinsip Keempat: Tanzim Harakiy PKPIM

Sebuah organisasi yang baik perlu mempunyai sistem organisasi agar dapat melancarkan gerak kerja organisasi tersebut. Dalam pengamalan PKPIM, sistem organisasinya dikenali sebagai Tanzim Harakiy. Perkara ini merupakan prinsip utama yang keempat bagi gerakan PKPIM. Para ahli PKPIM perlu beramal dengan tanzim harakiy yang telah ditetapkan dan menghormati tanzim harakiy tersebut.

*Tanzīm* itu bermaksud sistem ataupun organisasi ataupun susunan, manakala *ḥarakīy* itu pula adalah gerakan.<sup>61</sup> Hasri Harun menjelaskan:

“Tanzim dari segi bahasa membawa maksud mengumpulkan, menyusun dan menyelaraskan sesuatu. Dari segi istilah, tanzim harakiy ialah sekumpulan manusia yang wujud secara tersusun dengan matlamat-matlamat tertentu, mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain, dan mempunyai qiyadah (pimpinan) yang melaksanakan urusan serta merancang gerak kerja untuk mencapai matlamat-matlamat mereka berdasarkan satu undang-undang yang berkaitan hak-hak dan kewajiban ahli serta qiyadahnya.”<sup>62</sup>

Tanzim harakiy terdiri daripada tiga perkara iaitu Qiyādah (pemimpin gerakan tersebut), Jundiyyah (ahli atau pengikut gerakan tersebut), dan Khiṭṭah (perencanaan gerakan tersebut). Tanpa salah satunya, tanzim harakiy bagi sesebuah gerakan atau organisasi itu tidak akan terbentuk. Selain daripada memastikan terbentuknya tanzim haraki, PKPIM juga menetapkan garis panduan ciri-ciri tanzim harakiy yang berjaya:

- i. Kepimpinan (*qiyādah*) yang baik.
- ii. Kepengikutan (*jundiyyah*) yang faham, taat dengan penuh keredhaan dan kepercayaan.
- iii. Mempunyai kerangka fikrah, matlamat, dan manhaj yang jelas.
- iv. Organisasi yang tersusun (*tanzīm al-munazzam*).
- v. Perencanaan (*khiṭṭah*) dan perancangan strategik yang baik.<sup>63</sup>

#### Analisis Kajian

Berdasarkan keempat-empat prinsip utama gerakan PKPIM, terdapat beberapa perkara yang dijadikan garis panduan bagi PKPIM adalah sejajar dengan prinsip wasaṭiyyah dalam Islam. Berikut adalah perkara-perkara tersebut:

- a) Misi PKPIM iaitu “Gerakan pelajar Islam dinamik dan beriltizam melahirkan generasi muda ke arah memartabatkan idealisme dan cita-cita besar Islam” menunjukkan bahawa PKPIM bersifat dinamik dan tidak beku atau jumud. Sifat dinamik ini hanya

---

<sup>61</sup> Perbincangan lanjut tentang tanzim dalam konteks gerakan Islam boleh dilihat dalam Fathi Yakan, *Tasawwur Asasi Gerakan Islam*, 1-17 dan Hasri Harun, *Dakwah Dalam Konteks Tanzim Haraki* (Bandar Baru Bangi: WADAH, 2018).

<sup>62</sup> Dinukilkan daripada nota slide Webinar Gerakan Dakwah Memahami Tanzim Haraki Dalam Kerja Dakwah yang disampaikan oleh Ustaz Hasri Harun (Timbalan Presiden WADAH) pada September-Disember 2022.

<sup>63</sup> Penulis merujuk daripada nota Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar, *Memahami Tanzim Haraki dan Asas Gerakan Islam* (2016), 3. Beliau merupakan mantan Timbalan Presiden PKPIM Pusat dan Exco Latihan ABIM Pusat. Beliau juga pernah bertugas sebagai Setiusaha Majlis Kaderisasi dan Tarbiyah (MAKTAB).

dapat dipupuk apabila adanya sikap keseimbangan (al-tawāzun). Menjadi sebuah organisasi yang seimbang itu menuntut kepada wasatīyyah kerana seimbang merupakan salah satu ciri wasatīyyah.

- b) Objektif gerakan PKPIM yang kedua iaitu “Mengeratkan dan merapatkan tali persaudaraan di antara semua pelajar Islam Malaysia”. Objektif ini hanya akan tercapai apabila sikap wasatīyyah diamalkan kerana sikap ini berupaya menyatupadukan pelbagai pihak. Berbeza pula dengan sikap pelampau atau ekstrem yang hanya akan memecahbelahkan masyarakat.
- c) Orientasi gerakan PKPIM yang ke-4 iaitu kesederhanaan atau wasatīyyah. Perkara ini merupakan bukti yang sangat jelas bahawa PKPIM merupakan sebuah gerakan yang mengangkat pendekatan wasatīyyah dalam gerak kerja organisasi. Disebabkan orientasi ini, PKPIM berjaya menjalin hubungan dengan pelbagai pertubuhan Islam yang lain. Selain itu, PKPIM juga tidak asing dalam melakukan aktiviti dakwah serta kemasyarakatan yang merentas agama serta kaum.

### Kesimpulan

Secara umumnya, terdapat empat prinsip utama yang menjadi garis panduan PKPIM. Setiap prinsip itu dibentuk bukan semata-mata melalui idea para ahli PKPIM, namun dibentuk berdasarkan dalil al-Quran dan hadith Nabi (saw) yang terpilih. Prinsip-prinsip ini secara tidak langsung sesuai diaplikasikan kepada gerakan-gerakan Islam kerana sandarannya kepada dua sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran dan hadith Nabi (saw). Selain itu, prinsip utama gerakan PKPIM secara umumnya adalah sejajar dengan konsep wasatīyyah dalam Islam.

Setiap gerakan Islam perlu mempunyai prinsip utama gerakan masing-masing untuk memastikan keberlangsungan perjuangan dan hala tuju gerakan tersebut. Pengamalan keempat-empat prinsip ini secara tidak langsung telah menyebabkan keberlangsungan organisasi PKPIM sejak 196-an hingga kini. Kewujudan prinsip-prinsip utama ini juga telah membentuk para ahli PKPIM agar dapat terus cecal dan cermat berada pada laluan perjuangan yang benar.

Kesemua prinsip ini wajar dijadikan contoh buat gerakan pelajar Islam lain lebih-lebih lagi gerakan pelajar yang masih lagi baru ditubuhkan ataupun gerakan pelajar yang masih belum mempunyai prinsip yang jelas. Selain itu, para ahli PKPIM khususnya yang baharu juga perlu memahami dan beramal dengan prinsip-prinsip ini agar hala tuju pergerakan mereka dalam organisasi berada pada landasan yang benar. Dicadangkan agar gerakan atau organisasi PKPIM ini dikaji dengan lebih lanjut khususnya pada sudut sumbangan mereka kepada pendidikan negara dan para pelajar di Malaysia.

### Rujukan

- Abd Halim Mat Diah. *Satu Contoh dalam Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987.
- Abdullah Muhammad Zin. *Wasatīyyah Sebagai Manhaj Adab al-Ihktilaf*. Putrajaya: Institut Wasatīyyah Malaysia, 2015.

- Abdul Muntaqim, ed. *Monograf Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy*. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, 2007.
- Abdul Wahab Zakaria. *Konsep Kepimpinan dalam Islam: Pesanan Seorang Da'i*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1994.
- Ahmad Yumni & Mohd Fairuz. *Menjawab Islam Liberal: Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal (JIL) & Sisters in Islam (SiS)*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2015.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islām and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2014.
- al-Fairūzābādī, Majd al-Dīn. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2013.
- Fanṣūrī, 'Abd al-Ra'ūf. *al-Turjumān al-Mustafīd*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2014.
- Fathi Yakan. *Tasawwur Asasi Gerakan Islam*. Terjemahan oleh Ibrahim Embong. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2018.
- Fazril Saleh. *Bitara: Beberapa Catatan Buat Pedoman Teman-teman*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan & PKPIM, 2016.
- Fazril Saleh. *Naṣīḥat al-Mulūk dan Etika Kepimpinan Belia Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 2018.
- Gani Abdullah Che Amat. *Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM): Satu Analisa Ringkas Tentang Organisasi dan Ideologi Pergerakannya*, thesis Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1980.
- HAMKA. *Tafsīr al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982.
- Hasri Harun. *Webinar Gerakan Dakwah Memahami Tanzim Haraki Dalam Kerja Dakwah*. 2022.  
<https://pkpim.org.my/>  
<https://www.abim.org.my/info-abim/>
- Ibn Manẓūr. *Lisān al-'Arab*. Qum-Irān: Nashr Adab al-Ḥawzah, 1984.
- Kamus Dewan Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.
- Khalif Muammar. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 2009.
- Khalif Muammar. *Kerangka Pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah: Peranannya dalam Penyatuan Ummah*, dalam Himpunan Makalah Siri Wacana Pandangan 'Alam Islām 2016. Kuala Lumpur: Himpunan Keilmuan Muslim, 2016.
- al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn & al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm*. Maktabah wa Miṭba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlādahu, t.th..
- Mohd Farid Shahrān, ed. *Manhaj Pendidikan Gerakan Islam: Sukatan & Kaedah Pelaksanaan Usrah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 2009.
- Mohd. Hilmi Ramli & Yusni Yussof. *PKPIM: 5 Dasawarsa (1961-2011)*. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, 2009.
- Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhīar. *Memahami Tanzim Haraki dan Asas Gerakan Islam*. 2016.

- Muhammad Na'eem Yasin. *Jihad*. Terjemahan oleh Ismail Mohd. Hassan. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1996.
- Muhamad Razak Idris, *Aspirasi PKPIM: Sejarah dan Pendekatan Tajdid Gerakan Pelajar Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, 2022.
- MyWasatiyyah: Jihad Mendaulatkan Islam, Mengekang Ekstremisme Agama dan Pelampau Liberalisme*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2015.
- al-Nawawī, Muḥy al-Dīn Yaḥyā. *Matn Arbaʿīn al-Nawawīyyah*. Jakarta: Maktabah al-Saʿadiyyah Putra, t.th.
- Peraturan Tetap Majlis Syura Negeri*. Bangi: Sekretariat Majlis Syura Kebangsaan, 2008.
- Persidangan Meja Bulat Pengukuhan Tarbiyah Jamaah 2017 (WADAH-ABIM-PKPIM)*. Majlis Kaderisasi dan Tarbiyah (MAKTAB), 2017.
- al-Rāzī, Muḥammad bin 'Umar. *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1981.
- Siddiq Fadzil. *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan, Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-11*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1982.
- Usāmah al-Sayyid Maḥmūd. *al-Ḥaqq al-Mubīn fī al-Radd 'alā man Talā'aba bi al-Dīn*. Abu Dhabi: Dār al-Faqīh, 2015.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM, 2019.
- al-Zabīdī. *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*. Kuwait: al-Turāth al-'Arabī, 1987.
- Zamalia Mahmud. *Handbook of Research Methodology: A Simplified Version*. Shah Alam: UiTM Press, 2015.